

OXY-NASE PAEDIATRIC NASAL DROPS

Oxymetazoline hydrochloride (0.025% w/v)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan OXY-NASE PAEDIATRIC NASAL DROPS
2. Bagaimana OXY-NASE PAEDIATRIC NASAL DROPS berfungsi
3. Sebelum menggunakan OXY-NASE PAEDIATRIC NASAL DROPS
4. Cara menggunakan OXY-NASE PAEDIATRIC NASAL DROPS
5. Semasa menggunakan OXY-NASE PAEDIATRIC NASAL DROPS
6. Kesan- kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan OXY-NASE PAEDIATRIC NASAL DROPS
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim tentang OXY-NASE PAEDIATRIC NASAL DROPS. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang tersedia. Ia juga tidak menggantikan tempat ahli farmasi atau doktor anda.

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Ahli farmasi atau doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda menggunakan OXY-NASE PAEDIATRIC NASAL DROPS berbanding manfaat yang mereka jangka untuk anda.

Simpan risalah ini bersama ubat.

Anda mungkin perlu membacanya lagi.

Apakah kegunaan OXY-NASE PAEDIATRIC NASAL DROPS

OXY-NASE PAEDIATRIC NASAL DROPS digunakan untuk melegakan masalah hidung tersumbat.

Bagaimana OXY-NASE PAEDIATRIC NASAL DROPS berfungsi

Oxymetazoline mempunyai kesan pengecutan pada saluran darah. Ia bertindak dengan mengagihkan aliran darah setempat untuk mengurangkan bengkak pada lapisan hidung, seterusnya melegakan pengaliran dan keadaan hidung tersumbat.

Sebelum mengambil OXY-NASE PAEDIATRIC NASAL DROPS

-Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan OXY-NASE PAEDIATRIC NASAL DROPS sekiranya:

- Anda mengalami alah kepada Oxymetazoline Hydrochloride ataupun salah satu bahan kandungan produk.

-Sebelum mula menggunakan

Penjagaan khas diperlukan untuk OXY-NASE PAEDIATRIC NASAL DROPS:

Maklumkan kepada doktor jika anda menghidapi atau pernah menghidapi:

- tekanan darah tinggi
- kencing manis
- kesukaran membuang air kencing yang disebabkan oleh pembesaran kelenjar prostat
- pembesaran tiroid
- penyakit jantung.

Kehamilan dan penyusuan badan:

- Tiada kepastian dalam keselamatan untuk kehamilan dan penyusuan badan. Oleh itu, ubat ini tidak boleh digunakan untuk wanita hamil melainkan jika dapat memberi manfaat melebihi risiko

- Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum pengambilan ubat ini.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda sedang mengambil apa-apa produk lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi doktor.

Kombinasi yang mengandungi antikemurungan seperti tricyclic antidepressants atau maprotiline atau monoamine oxidase inhibitor, bergantung pada jumlah dos mungkin akan bertindakbalas dengan ubat ini.

Cara menggunakan OXY-NASE PAEDIATRIC NASAL DROPS

-Berapa banyak harus digunakan

Kanak-kanak selepas 1 tahun:

1 hingga 2 titik. Dos yang diberikan adalah 2 atau 3 kali sehari.

Semburkan sehingga 4 kali sehari sehingga keadaan bertambah baik, kemudian kurangkan kekerapan.

-Bila perlu digunakan

Gunakan ubat ini seperti yang dicadangkan oleh doktor atau ahli farmasi.

-Berapa lama perlu digunakan

Jangan melebihi dos yang disyorkan dan jangan menggunakan ia lebih daripada 3 hari.

-Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda mengingatinya.

Jika ia menghampiri waktu untuk dos anda yang berikutnya, langkau dos yang terlepas dan ambil ubat pada waktu berjadual tetap yang berikutnya.

Jangan menggandakan pengambilan dos untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Jika anda mengambil terlalu banyak OXY-NASE PAEDIATRIC NASAL DROPS, rujuk kepada doktor atau segera ke hospital yang berhampiran.

Oxymetazoline boleh menghasilkan penekanan sistem saraf pusat yang ketara dan menyebabkan koma dan pengurangan ketara dalam suhu badan, terutama pada bayi. Rujuk doktor untuk maklumat lanjut mengenai pengurusan dos berlebihan.

Semasa menggunakan OXY-NASE PAEDIATRIC NASAL DROPS

-Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda bersedia untuk memulakan pengambilan ubat baru yang lain, maklumkan ahli farmasi atau doktor anda yang anda sedang mengambil OXY-NASE PAEDIATRIC NASAL DROPS.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Ikuti arahan doktor anda mengenai kawalan terhadap makanan, minuman atau aktiviti semasa menggunakan OXY-NASE PAEDIATRIC NASAL DROPS.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Reaksi anda mungkin akan dijejaskan semasa rawatan dalam beberapa hari yang pertama. Anda tidak dibenarkan memandu atau mengendalikan mesin/jentera sehingga kesan sampingan ubat terhadap anda dikenali.

Penggunaan penyembur oleh lebih dari seorang boleh menyebarkan jangkitan.

Kesan-kesan sampingan

OXY-NASE PAEDIATRIC NASAL DROPS boleh mendatangkan kesan sampingan. Beritahu doktor anda jika salah satu daripada gejala adalah teruk atau tidak hilang.

- pedih
- kekeringan pada mulut dan tekak
- bersin
- hidung tersumbat menjadi lebih teruk (penggunaan berpanjangan)

Jika terdapat kesan sampingan yang menjadi serius atau kesan sampingan yang tidak terdapat pada risalah ini, tolong maklumkan kepada ahli farmasi atau doktor anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan *Adverse* Ubat Kebangsaan melalui laman web npa.gov.my [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF)* or *Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan OXY-NASE PAEDIATRIC NASAL DROPS

-Penyimpanan

Pastikan bekas ditutup dengan rapat. Lindungi dari cahaya. Simpan di bawah 30 °C. Simpan jauh daripada jangkauan kanak-kanak.

-Pelupusan

Ubat tidak boleh dilupuskan melalui sisa buangan atau sisa isi rumah. Tanya ahli farmasi anda bagaimana untuk membuang ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk
OXY-NASE PAEDIATRIC

NASAL DROPS ialah larutan yang jernih dalam botol kaca ambar 10ml dan 100ml.

-Bahan-bahan kandungan

-Bahan-bahan aktif:
Oxymetazoline Hydrochloride
0.025% w/v.

-Bahan-bahan tidak aktif:
Benzalkonium Chloride, Citric Acid Anhydrous, Sodium Citrate, Disodium Edetate, Sorbitol Solution 70% dan Purified Water.

Nombor MAL

MAL19870791AZ

Pemegang Pendaftaran Produk

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,
Bandar Sultan Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
Malaysia.

Pengilang

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,
Bandar Sultan Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

21/05/2026

Nombor Siri

NPRA(R2/1)260430/00056